

*Tarikh Dibaca: 11 Julai 2025M / 15 Muharram 1447H*



# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

**“ULAMA PEWARIS NABI:  
JAMINAN KEBENARAN ISLAM”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah*

*Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "ULAMA PEWARIS NABI: JAMINAN KEBENARAN ISLAM"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ : وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لَّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلَيُنَذِّرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ .<sup>1</sup>

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوْيُ اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأْمِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.<sup>2</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan

<sup>1</sup> At-Taubah: 122.

<sup>2</sup> Ali-'Imran: 102.



**meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya.** Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**ULAMA PEWARIS NABI: JAMINAN KEBENARAN ISLAM**".

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW sejak lebih 14 kurun, sentiasa berdiri di atas dasar ilmu, dan dengan sebab itu ia diwarisi oleh para ulama bagi memastikan ajaran wahyu yang diterima oleh Baginda SAW terus dipelihara. Secara tidak langsung, warisan ilmu selama lebih 1400 tahun ini menggambarkan kepada kita kesungguhan para ulama dalam memelihara ajaran agama Islam dan mengembangkan kefahamannya dari segenap segi, baik al-Quran, hadis, tafsir, fiqah, tauhid, dan tasawuf. Peranan ulama dalam masyarakat dan kesungguhan mereka jelas sekali dapat difahami daripada ayat yang dibacakan sebentar tadi dalam surah At-Taubah ayat 122 yang bermaksud:

*"Dan tidak sepatutnya bagi orang yang beriman keluar semuanya (ke medan perang). Oleh itu, hendaklah sebahagian sahaja daripada mereka keluar (berperang) supaya mereka (yang tinggal) itu memperdalam ilmu pengetahuan tentang agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila mereka itu pulang. Mudah-mudahan, mereka itu dapat menjaga diri mereka (daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang Allah)."*

Para ulama adalah pewaris Nabi pada aspek keilmuan seperti yang ditegaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu al-Darda' Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:



وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينًا وَلَا  
دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحَظٍّ وَافِرٍ.

"Sesungguhnya para ulama adalah pewaris para nabi. Tidaklah para nabi itu mewariskan wang dinar mahupun dirham, tetapi mereka mewariskan ilmu. Oleh itu, jika sesiapa yang menerima warisan ilmu tersebut, maka dia menerimanya sebagai suatu laba yang besar."

(Riwayat Abu Daud).

### **Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Tradisi dan disiplin ilmu Islam merupakan wasilah agung yang mesti terus dipelihara agar ajaran Islam dapat dilihat, difahami dan diamalkan sebagaimana yang dibawa dan ditunjukkan oleh Baginda SAW. Alhamdulillah, dengan kesungguhan para ulama terhadap penyebaran ilmu, syariat Islam yang sebenar terus dapat diwarisi sehingga ke generasi kini. Oleh itu, menjadi tanggungjawab umat Islam hari ini untuk mengambil manfaat daripada para ulama muktabar yang diiktiraf, agar ilmu-ilmu tersebut dapat difahami dan diamalkan tanpa sangsi dan ragu-ragu.

Sesungguhnya keilmuan dan amanah dalam menyampaikan ilmu yang diwariskan oleh Rasulullah SAW menuntut kehadiran seorang guru atau ulama yang jujur dan bertanggungjawab. Seseorang yang menyampaikan agama tanpa amanah dan rasa tanggungjawab terhadap ilmu, tidak akan mampu mewariskan apa yang sebenarnya diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Sepertimana disebut oleh pujangga arab:



## فَاقْدُ الشَّيْءِ لَا يُعْطِيهِ.

*"Sesiapa yang tidak memiliki sesuatu tidak mungkin dia mampu memberikannya (kepada orang lain)."*

Oleh itu, demi memastikan Islam terus dihormati dan diamalkan. Para ulama atau pendakwah wajib menyampaikan ilmu Islam yang tulen bersumberkan nas yang sahih tanpa ditokok tambah dengan andaian peribadi atau huraiyan yang bersifat sangkaan buruk. Dengan itu, para penuntut ilmu akan dapat memahami Islam secara adil dan menilai pandangan tanpa bersikap berat sebelah terhadap mana-mana pihak.

### **Hadirin Jumaat yang dimuliakan,**

Satu perkara yang wajar kita hayati ialah ajaran Islam telah dipelihara sepanjang zaman. Antaranya melalui usaha para ulama yang berperanan memastikan kefahaman agama terus kekal dengan keasliannya seperti mana ia disampaikan. Dalam masa yang sama, usaha perbaasan dan pengembangan ilmu oleh para ulama terus digiatkan melalui pelbagai pendekatan dan kaedah, bagi memberikan panduan yang jelas dalam menghadapi dan menyelesaikan permasalahan umat.

Demi melaksanakan amanah besar ini, para ulama telah menyebarkan tafsiran dan huraiyan mereka melalui penulisan sehingga terhasilnya karya-karya besar dalam pelbagai bahasa dan bidang keilmuan. Usaha pencatatan dan pengumpulan ilmu ini sebenarnya berakar daripada kebijaksanaan para sahabat, terutamanya Saidina Umar al-Khattab *Radiallahu anhu* yang telah mengusulkan agar lembaran-lembaran al-Quran dikumpulkan selepas ramai para huffaz gugur syahid.



Hal ini seterusnya mendorong kepada usaha pengumpulan hadis Nabi SAW yang pada mulanya dilakukan dengan juzuk atau risalah kecil, sehinggalah menjadi karya besar yang tersusun mengikut tema tertentu seperti hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat tertentu, hadis sahih, dan hadis berkaitan hukum-hakam, sebagaimana yang diusahakan oleh Imam Ahmad, Imam al-Bukhari, Imam Abu Daud dan ramai lagi.

Rentetan daripada usaha pengumpulan al-Quran dan hadis, para ulama kemudiannya tampil mengembangkan bidang ilmu yang menjadi asas kepada kefahaman kedua-dua sumber utama Islam tersebut. Antaranya ialah Imam al-Syafi'i (wafat pada tahun 204 Hijrah) yang telah mengarang kitab al-Risalah, sebuah karya terawal dalam bidang Usul al-Fiqh. Kitab ini memperincikan kaedah dan prinsip untuk memahami serta mengistinbat hukum daripada al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Sehingga hari ini, al-Risalah terus menjadi rujukan penting dan menjadi asas kepada perkembangan penulisan dalam ilmu Usul al-Fiqh di seluruh dunia Islam.

### **Sidang Muslimin yang berbahagia,**

Memandangkan bidang keilmuan Islam sangat luas dan mendalam, maka terdapat sebahagian ulama yang menguasai hampir semua cabang ilmu, manakala sebahagian lain pula mendalami satu atau dua bidang dengan kefahaman yang mendalam. Apa jua bentuk penguasaan mereka, para ulama tetap dianggap sebagai penuntut dan penyebar ilmu yang bermanfaat kerana itulah sifat yang menjadi resam mereka sepanjang zaman. Justeru itu, kita digalakkan untuk meneladani keilmuan para ulama dalam menyampaikan ilmu sebagai pewaris Nabi.



Sebagai contoh, Hujjatul Islam Imam Abu Hamid al-Ghazali (wafat pada tahun 505 Hijrah) telah menghasilkan lebih daripada 70 buah karya yang merangkumi hampir seluruh cabang ilmu Islam termasuk tauhid, fiqah, tasawuf, mantik, ilmu kalam dan usul al-fiqh meskipun beliau hanya hidup selama 55 tahun. Sebahagian ulama selepasnya membuat perbandingan antara jumlah halaman karya beliau dengan tempoh usianya, dan mereka mendapati bahawa secara purata, Imam al-Ghazali menghasilkan kira-kira satu kuras (enam halaman) setiap hari sepanjang hayatnya.

Contoh lain pula ialah Imam al-Nawawi (wafat tahun 676 Hijrah), pengarang Hadis 40, Riyadhus Solihin, al-Azkar, Minhaj al-Talibin, dan al-Majmu'. Imam al-Nawawi sering dijadikan contoh dalam kesungguhan menuntut ilmu tatkala dihikayatkan bahawa beliau mempelajari sebanyak 12 pengajian sehari sepanjang siang dan malam. Beliau hanya tidur apabila matanya tidak lagi mampu menanggung rasa mengantuk yang kuat.

Contoh-contoh ini menunjukkan pentingnya penguasaan ilmu agama dengan manhaj yang jelas dan tersusun. Hanya dengan ilmu yang sahih dan panduan yang tepat, tradisi keilmuan Islam dapat diteruskan dan dijadikan pedoman utama dalam mendepani teori pemikiran zaman kini yang mengelirukan.

Hadis yang diriwayatkan daripada Saidina Mu'awiyah bin Sufyan *Radiallahuanhu* bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ.



*"Sesiapa yang Allah kehendaki kebaikan padanya, nescaya Allah akan memberikannya kefahaman dalam urusan agama."*

*(Riwayat al-Bukhari).*

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah SWT,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah meletakkan ilmu sebagai dasar utama dalam membina kehidupan yang seimbang dan diredhai Allah SWT dengan menekuni ilmu agama mengikut manhaj yang sahih.
2. Umat Islam hendaklah menghormati para ulama yang berperanan sebagai pewaris ajaran Rasulullah SAW.
3. Umat Islam hendaklah menghayati pengorbanan para ulama, khususnya kesungguhan mereka berjihad menekuni agama dengan menghadiri kelas-kelas pengajian talaqqi dan menyantuni para ulama.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَأَفْسَحُوا  
يَفْسَحُ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا  
مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَتٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ.

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila dikatakan kepadamu, "Berilah ruang di majlis (tempat duduk kamu untuk orang lain)" maka berikanlah ruang! Nescaya Allah akan memberi kelapangan (serba-serbinya) untukmu. Dan apabila dikatakan. "Berdirilah kamu", maka berdirilah nescaya Allah akan mengangkat (darjat) orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberi ilmu (dalam kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa-apa yang kamu lakukan".

(Surah al-Mujadilah: 11).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَةٌ  
عَلَيْهِ وَسَلَامٌ تَسْلِيمًا.<sup>3</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

<sup>3</sup> Al-Ahzab: 56.



اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ  
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْمِدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ  
السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَّةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلَّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan maksiat, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kurniakanlah kepada kami pemimpin yang amanah, jujur dan tegas dalam menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat.



Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum* serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذَرِّيَّتَنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.<sup>4</sup>

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.<sup>5</sup>

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَاتِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُمُ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ.<sup>6</sup>

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

<sup>4</sup> Al-Furqan: 74.

<sup>5</sup> Al-Baqarah: 201.

<sup>6</sup> Al-Nahl: 90.